

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG (LANANG)
TARIKH : 19.3.2015 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) sejauh manakah keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan apakah impak kepada negara apabila diumumkan akan ditangguhkan pada tahun 2015; dan
- (b) sama ada PLKN akan dijalankan semula selepas 2015 dan jumlah kos yang dapat dijimatkan memandangkan kos ke atas operator, jurulatih dan pegawai akan dibayar juga.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan kajian keberkesanan PLKN pada tahun 2010 melibatkan 61,950 orang responden bertujuan mengenalpasti pencapaian semangat kesukarelaan, pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri. Kajian berkenaan menunjukkan bahawa lebih 80% daripada jumlah responden yang terdiri dari kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih.

Selain itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) juga telah melaksanakan Kajian Impak Nilai Patriotisme Siswa Bekas Pelatih PLKN Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2013. Kajian yang melibatkan 3,787 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang pernah menyertai PLKN, ibu bapa bekas pelatih, pemimpin

masyarakat dan pelaksana PLKN juga telah menunjukkan maklum balas yang positif dalam semua aspek yang dinilai khususnya berkaitan patriotisme dengan menghadiri PLKN. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, PLKN perlu diteruskan bagi menyemai semangat patriotisme dan perpaduan kaum di kalangan remaja di negara ini.

Kajian Persepsi Pelatih yang dilaksanakan pada setiap sesi latihan juga mendapati bahawa PLKN berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Terkini, JLKN sedang berbincang dengan sebuah universiti awam untuk memantapkan methodologi dan terma-terma kajian keberkesanan PLKN.

Penangguhan PLKN selama setahun membolehkan kajian dibuat melalui makmal yang diwujudkan dan menghimpunkan kesemua pihak berkepentingan bagi meneliti secara menyeluruh berkenaan kerangka transformasi serta keputusan penangguhan itu. Penangguhan PLKN selama setahun ini sama sekali tidak memberi kesan besar dan menjejaskan pelaksanaan program PLKN secara keseluruhannya pada masa akan datang.

Jumlah kos yang dapat dijimatkan sepanjang tempoh penangguhan PLKN bermula pada bulan Mac hingga Disember 2015 adalah berjumlah RM300 juta.

Jawapan